

Rujukan Kami : KPTMHQ.CBSOO.AD.SCS.KOV.3-5 Jilid 4 (68)
Tarikh : 21 Julai 2025
25 Muharram 1447 H



Ibu Pejabat
Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd.
Aras 4 & 5, Ibu Pejabat KPTM
Jalan 7/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Cheras, Kuala Lumpur
T : 603-9179 5600
F : 603-9281 7491

Para Graduan
Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)

Saudara/i,

JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM) KE 41

Seluruh warga KPTM mengucapkan **TAHNIAH** kepada saudara/i kerana telah berjaya menamatkan pengajian di Kolej Poly-Tech MARA. Sempena kejayaan ini, pihak KPTM akan mengadakan Majlis Konvokesyen pada **20 Disember 2025 hingga 23 Disember 2025** (Sabtu hingga Selasa), bertempat di World Trade Centre, Kuala Lumpur (WTCKL).

2. Saudara/i dipohon untuk membuat pengesahan maklumat graduan di laman web rasmi konvokesyen <https://convo.kptm.edu.my> mulai **07 Oktober 2025 sehingga 30 November 2025**.

3. Upacara Raptai akan diadakan pada:


Tarikh : 17 Disember 2025 (Rabu)
Tempat : Dewan Merdeka, WTCKL
Masa : 10.00 pagi

4. Semua graduan yang telah membuat pengesahan kehadiran boleh mengikuti raptai Majlis Konvokesyen secara live di Facebook/ Youtube Rasmi Kolej Poly-Tech MARA bagi memahami perjalanan aturcara pada hari majlis rasmi.

5. Berikut adalah beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh graduan:

- i) Pakaian semasa raptai hendaklah kemas dan sopan serta bersesuaian dengan majlis. Graduan lelaki hendaklah berambut pendek (Dilarang memakai selipar/sandal/jeans/T-shirt kolar bulat).
- ii) Graduan diminta berkumpul semasa sesi konvokesyen:
 - a. Sidang Pagi : Bermula jam 7.00 pagi
 - b. Sidang Petang : Bermula jam 12.30 tengah hari

"TRUSTWORTHY, SYNERGISTIC AND CARING"



- iii) Tempat meletak kenderaan ibu bapa dan para tetamu (*parking*) adalah TERHAD. Ibu bapa dan para tetamu disarankan menggunakan kemudahan kenderaan awam untuk ke majlis.

Bagi pihak urusetia, saya berharap agar kita sama-sama jadikan majlis konvokesyen ini hari yang penuh bermakna untuk diraikan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,



MOHAMED SAIFUDDIN BIN HUSSIN

Ketua Pegawai Operasi

Pegawai Yang Menjalankan Tugas Ketua Pegawai Perkhidmatan Perniagaan

Merangkap Pengerusi Majlis Konvokesyen UPTM & KPTM

Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd.

(200101011711 (547467-W))

"TRUSTWORTHY, SYNERGISTIC AND CARING"

